

28/07/2001

Mengukuh institusi keluarga elak gejala menular

KERAPUHAN institusi kekeluargaan dan pendidikan adalah antara faktor gejala budaya songsang dan negatif seperti Black Metal, Death Metal dan Thrash menular kepada pelajar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Program Celik Teknologi Maklumat (IT) di Sekolah Menengah Kubang Kerian Dua, Kota Bharu, baru-baru ini mengingatkan semua pihak, terutama ibu bapa dan guru supaya menunaikan tanggungjawab dengan sempurna bagi memastikan generasi hari ini bebas daripada gejala tidak sihat.

Sambil melahirkan rasa sedih dengan pembabitkan pelajar dalam pelbagai jenayah dan gejala sosial sejak kebelakangan ini, Dr Mahathir turut menyarankan pihak terbabit mengenal pasti punca dan mencari penyelesaian segera.

Sehubungan itu, Naib Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Norizan Shariff, (gambar) mengakui kedua-dua institusi itu penting dan sumbangannya amat besar bagi pembinaan generasi hari ini.

"Jika pincang satu daripadanya, jati diri anak akan luntur," katanya.

Katanya, ada segelintir ibu bapa yang menaruh sepenuh kepercayaan kepada institusi pendidikan. Berikutan itu, mereka kurang menitikberatkan kegiatan harian anak kerana mereka berkeyakinan ilmu yang dipelajari di sekolah sudah mencukupi.

Norizan berkata, jika persepsi itu tidak diubah, apa jua saranan dan usaha bagi membina generasi berakhlak mulia tidak akan tercapai.

Justeru, katanya, institusi kekeluargaan dan pendidikan perlu mempunyai jalinan yang kukuh dengan memperbanyakkan kegiatan antara guru dan ibu bapa.

"Ibu bapa tidak boleh sesekali menyalahkan guru jika anak mereka dikenakan tindakan disiplin. Namun, ketika ini, ada ibu bapa yang memandang serong kepada sekolah.

"Mereka mendakwa guru bertindak melampaui batas dan tanpa usul periksa. Akhirnya, guru berasa takut untuk mengambil sebarang tindakan terhadap pelajar yang melanggar peraturan sekolah," katanya.

Selain itu, katanya, penguatkuasaan pihak berkuasa yang longgar turut menyebabkan penularan kegiatan hiburan yang menyalahi agama dan budaya.

Bagi mengenal pasti kegiatan yang bakal dilaksanakan dapat dimanfaatkan generasi muda, Norizan menggesa Jawatankuasa Kabinet Mengenai Belia merancang dan menyusun kegiatan yang sesuai kepada belia serta remaja.

Katanya, setiap kegiatan yang dirancang perlu mengambil kira masalah yang dihadapi generasi muda, bentuk kegiatan dan langkah pencegahan serta pemulihan.

"Hiburan yang menampilkan gaya artis atau pelakon yang menyalahi nilai moral tidak wajar dipertontonkan kepada masyarakat di negara ini. Lakonan atau nyanyian artis dengan berpakaian menjolok mata dan berkelakuan tidak sopan dikhuatiri akan mempengaruhi remaja," katanya.

Beliau berkata, setiap syarikat perfileman perlu memastikan rancangan yang disiarkan mematuhi arahan Kementerian Penerangan.

"MBM khuatir jika tidak ada kawalan ketat, berkemungkinan ada syarikat hiburan yang memandang mudah perkara ini. Artis dan pelakon naungan mereka tidak mengutamakan tata susila ketika mengadakan konsert," katanya.

Setiausaha Agung Persatuan Warga Warisan Melayu Muda Malaysia (Wawasan), Mohd Norashedy Ab Rashid, berkata media massa perlu memperbanyakkan rancangan keagamaan dan moral pada waktu cuti hujung minggu atau cuti

penggal persekolahan.

"Rancangan yang disiarkan pada waktu itu sepatutnya rancangan yang dapat memberi teladan kepada mereka. Kini, ada rancangan yang disiarkan lebih kepada rancangan hiburan dan kartun," katanya.

(END)